

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, July 15, 2018 2:11 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Keunikan Rumah Terbuka Aidilfitri AHS GS – Tampil Kelainan Dunia



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

15 JULAI 2018 / 2 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

KEUNIKAN RUMAH TERBUKA AIDILFITRI AHS GS – TAMPIL KELAINAN DUNIA



UUM ONLINE: Sambutan Aidilfitri lebih bermakna apabila Awang Had Salleh Graduate School of Arts & Sciences (AHS GS) meraikannya bersama-sama pelajar pasca siswazah yang datang dari serata pelusuk dunia yang tidak dapat pulang berhari raya di kampung halaman.

Menurut Dekan AHS GS, Prof. Dr. Abdull Sukor Shaari, majlis ini memberi peluang kepada pihaknya beramah mesra dan mengenali para pelajar dengan lebih dekat terutamanya dari aspek budaya masyarakat.

“AHS GS memberi sedikit kelainan meraikan Aidilfitri bersama-sama agar mereka dapat merasai pengalaman berhari raya di Malaysia dengan budaya antarabangsa yang pelbagai sekali gus merapatkan silaturahmi antara staf dan pelajar.

“Menariknya, juadah istimewa yang dimakan pada hari raya di negara masing-masing dihidangkan oleh pelajar pasca-siswazah yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan budaya menampilkan keunikan dan menarik perhatian tetamu untuk merasainya,” ucapnya pada AHS GS Aildilfitri Intercultural Mini-Festival 2018.

Jelasnya, Ramadan telah mendidik kita untuk mengabdikan diri kepada Allah termasuk melakukan perkara terpuji yang mencerminkan nilai-nilai Islam seperti mencintai rakan-rakan dan golongan miskin.

Justeru, kutipan derma turut dilancarkan sempena program ini bertujuan untuk menyalurkan kutipan sumbangan tersebut bagi projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang akan dikendalikan oleh pihak AHS GS serta pelajar pasca siswazah AHS GS.

Budaya *Charity Cutlery Set* telah diperkenalkan dalam majlis berkenaan, dianggap sebagai permulaan projek CSR AHS GS. Setiap tetamu mendapat satu set kutleri usai menderma kepada tabung untuk golongan yang kurang berkemampuan.

“Itulah sebabnya AHS GS menganjurkan sesi potluck raya antara budaya serta kutipan derma, agar kita semua dapat duduk bersama sebagai satu keluarga besar dan melakukan sesuatu yang baik jadi saya mengucapkan terima kasih atas perbezaan yang telah anda lakukan,” luahnya.

Sementara itu, pelajar antarabangsa dari Iraq, Dunya Jafar Musa menyifatkan majlis ini sebagai tanda keprihatinan pihak AHS GS mengubati kerinduan pelajar antarabangsa yang jauh di perantauan dan yang tidak dapat pulang berhari-raya di kampung halaman.

“Festival ini sungguh unik, bukan seperti rumah terbuka yang biasa diadakan kerana memperkenalkan gaya hidup masyarakat tradisional negara masing-masing melalui makanan, nyanyian dan pakaian tradisi.

“Semua tetamu bukan sahaja dapat menikmati pelbagai juadah citarasa yang dihidangkan di setiap booth, tetapi pada masa yang sama akan dihiburkan dengan persembahan kebudayaan antarabangsa,” kongsinya.

Antara penyertaan adalah dari beberapa buah negara seperti India, Somalia, Iraq, Jordan, Nigeria, Pakistan, Algeria serta Malaysia dan telah mempromosikan budaya negara masing-masing melalui makanan tradisional di booth yang disediakan.

“Saya amat menghargai usaha pihak AHS GS menyediakan platform ini untuk mendekatkan lagi kami dengan juadah tradisi serta sambutan hari raya di Malaysia seperti Lemang, Ketupat, Rendang, Wajik dan Lontong.

“Saya juga teruja dapat makan buah-buahan tempatan yang sangat sedap seperti rambutan dan manggis yang sangat manis, berjus dan harum,” luahnya.

Di samping itu, pengunjung turut diberi peluang menyertai pertandingan dan cabutan bertuah bagi mempromosikan budaya antarabangsa dalam majlis yang dianggarkan seramai 200 orang.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.